



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PEGUAM NEGARA

## KENYATAAN MEDIA

**KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR  
MENGARAHKAN PENDAFTAR HAK MILIK WILAYAH PERSEKUTUAN  
MEMINDAH MILIK 263.272 EKAR TANAH DI MUKIM BATU KEPADA  
SEMANTAN ESTATE SDN. BHD.**

Semantan Estate Sdn. Bhd. (SESB) telah memfailkan Saman Pemula di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur supaya Pendaftar Hak Milik Wilayah Persekutuan memindah milik tanah seluas 263.272 ekar di Mukim Batu, Daerah Kuala Lumpur (tanah tersebut) kepada SESB di bawah seksyen 417 Kanun Tanah Negara 1965. Pada hari ini, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membernarkan permohonan supaya tanah tersebut dipindah milik kepada SESB.

Jabatan Peguam Negara bagi pihak Pendaftar Hak Milik Wilayah Persekutuan akan memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan serta memfailkan permohonan penggantungan pelaksanaan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi tersebut.

**JABATAN PEGUAM NEGARA**  
**7 OGOS 2024**